



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 48 (26 NOVEMBER – 02 DISEMBER 2023)**

**12 DISEMBER 2023**

---

Pada Minggu Epidemiologi ke-48 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,988 kes berbanding 2,686 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 302 kes (11.2%). Terdapat satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-48 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-48 adalah sebanyak 111,417 kes berbanding 58,239 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 53,178 (91.3%). Manakala sejumlah 84 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 39 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-48 adalah sebanyak 95 lokaliti berbanding 79 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 95 lokaliti yang dilaporkan, 71 lokaliti di Selangor, 10 lokaliti di WPKL & Putrajaya, lapan (8) lokaliti di Perak, empat (4) lokaliti di Sabah serta masing-masing satu (1) lokaliti di Johor dan Sarawak.


Bagi surveilan chikungunya, terdapat empat (4) kes dan satu (1) wabak aktif dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-48. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 192 kes. Bagi surveilan zika, sebanyak 3,479 sampel darah dan 379 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Antara punca peningkatan kes denggi adalah disebabkan peningkatan curahan hujan berikutan musim Monsun Timur Laut (MTL). Keadaan ini boleh menyumbang kepada peningkatan bekas berpotensi pembiakan nyamuk Aedes. Masyarakat disarankan bersama-sama melakukan tindakan pencegahan seperti berikut:

- a) Mencari dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes seperti bekas-bekas yang boleh menakung air bersih dan jernih serta terlindung daripada cahaya matahari. Lakukan aktiviti cari dan musnah di dalam dan di luar premis, 10 minit sekali seminggu.
- b) Meletakkan bahan pembunuh jentik-jentik pada bekas yang ada air jernih bertakung seperti dalam pam tandas, dalam mangkuk tandas yang tidak digunakan/ rosak atau dalam kolah.
- c) Melakukan semburan aerosol dalam premis pada waktu awal pagi dan lewat petang bagi membunuh nyamuk dewasa
- d) Memakai baju lengan panjang dan seluar panjang serta memakai repelan atau bahan penghalau nyamuk pada bahagian badan yang terdedah kepada gigitan nyamuk.

Setiap lapisan masyarakat perlu bertanggungjawab, bertindak proaktif dan memainkan peranan masing-masing dalam usaha membantu mengurangkan kejadian kes demam denggi yang sedang meningkat. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN**  
**12 DISEMBER 2023**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-48 & ke-47 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-48 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-48), 2022 dan median 2018-2022**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-48 tahun 2023**